

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 4 OKTOBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

DATUK SERI DR. HAJI DZULKEFLY BIN AHMAD [KUALA SELANGOR] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah strategi pengagihan vaksin di Malaysia dan kenapa vaksin interval jangka masa panjang seperti AZ diagihkan ke tempat hotspot dan bukan vaksin short term interval seperti Pfizer dan Sinovac.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan mengambil tanggungjawab memastikan bekalan vaksin COVID-19 yang mencukupi bagi semua penduduk yang layak di negara ini. Sehingga 28 September 2021, KKM menerima sebanyak 50,457,944 dos vaksin COVID -19 dari jenis dua dos vaksin keluaran Pfizer, Sinovac, AstraZeneca dan vaksin dos tunggal jenis CanSino

2. Agihan vaksin ke negeri-negeri adalah berdasarkan kepada bekalan yang diterima oleh Malaysia pada satu-satu masa dan beberapa faktor mengikut fasa pelaksanaan. Antara bulan Mac hingga Jun 2021, apabila bekalan vaksin masih rendah, agihan dibuat berdasarkan kepada bilangan

SOALAN NO. 74

petugas barisan perubatan, pertahanan dan keselamatan, populasi warga emas dan pesakit komorbid di setiap negeri. Pada fasa 3 yang bermula pada bulan Mei 2021, selain daripada nisbah penduduk negeri, agihan juga adalah berdasarkan kepada negeri yang mengalami wabak, seperti di Wilayah Persekutuan Labuan dan Lembah Klang. Kementerian Kesihatan melalui CITF sentiasa membuat penilaian keperluan vaksin setiap negeri secara mingguan dalam mesyuarat CITF pusat dan mengagihkan vaksin kepada negeri yang memerlukan bekalan segera.

3. Sehingga 27 September 2021, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor menerima sebanyak 1,716,660 dos vaksin AZ atau 30 peratus dari keseluruhan 13,631,576 vaksin jenis dua dos yang dibekalkan. 70 peratus daripada penduduk di Lembah Klang menerima vaksin dari jenis Pfizer dan Sinovac melalui Pusat Pemberian Vaksin integrasi dan mega.

4. Pada peringkat awal vaksin AZ tidak dimasukkan ke dalam Program Imunisasi COVID-19 akibat persepsi negatif oleh masyarakat seperti kesan sampingan pembekuan darah populasi berusia dibawah 50 tahun dan status halal vaksin AZ. Sebanyak 4 Pusat pemberian Vaksin AZ telah dibuka di Kuala Lumpur dan Selangor bermula 3 Mei 2021 bagi menilai penerimaan masyarakat kepada vaksin AZ dan bilangan kes jangkitan COVID-19 ketika itu masih rendah.

Sekian, terima kasih.